


Newspaper	SELANGORKINI
Date	9 SEPTEMBER 2016



**SHAH ALAM** - Pertemuan dua tokoh utama negara selepas 18 tahun 'terpisah' memperlihatkan Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sanggup mengeneppikan perbezaan masing-masing demi kepentingan rakyat.

Timbalan Presiden Keadilan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pertemuan itu membuktikan dua tokoh berkenaan memiliki jiwa besar di saat negara berdepan krisis kepimpinan dan memerlukan satu hala tuju untuk menyelamatkan negara juga memulihkan ekonomi.

"Saya dan rakyat Malaysia gembira menyaksikan Anwar dan Mahathir bertemu kembali selepas 18 tahun terpisah.

"Apa yang disaksikan dunia saat itu bukan sekadar dua insan bersalaman tetapi dua

Demi rakyat

# Anwar dan Mahathir ketepi perbezaan

Selangorkini - 9/9/2016

negarawan yang sanggup mengeneppikan perbezaan dan kegetiran masa lampau demi masa depan negara juga rakyat Malaysia yang lebih terjamin," katanya dalam kenyataan media, pada 6 September lalu.

Pada 5 September lalu, Anwar dan Mahathir bersalaman dalam Mahkamah Tinggi Rayuan Kuasa-Kuasa Khas di Kompleks Mahkamah Jalan Duta,

Kuala Lumpur, tepat jam 3.09 petang.

Anwar hadir ke mahkamah bagi menfaikkan injunksi menghalang Perdana Menteri meneruskan pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016 selain memohon pengisytiharan bahawa Akta MKN tidak berperlembagaan dan tidak sah kerana ia dikuatkuasakan menurut Fasal 66 (4A)

Perlembagaan Persekutuan.

Mahathir berpeluang bertemu Anwar lebih 30 minit secara tertutup untuk membincangkan proses perundangan termasuk beberapa isu lain dan ia turut dihadiri Presiden Keadilan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Mohamed Azmin.

Sehubungan itu, Mohamed Azmin yang juga Dato' Men-

teri Besar Selangor menyifatkan pertemuan itu sebagai satu permulaan ke arah perpaduan umat dan pengukuhan parti politik yang progresif sebagai persiapan untuk Pilihan Raya Umum ke-14.

"Seperti yang disebut Anwar di mahkamah, kehadiran Mahathir membuktikan beliau bersedia menerima agenda reformasi," katanya.